

# >Kompleks Sukan PKNS, Stadium UPM venue baru

**S**EMUA perlawanan Kejujanaan Bola Sepak Pra-Musim 2008/09 membabitkan Stadium Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dipindahkan ke dua venue baru iaitu Kompleks Sukan PKNS dan Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM).

Setiausaha Kehormat Kelab Bola Sepak Felda United, Faisal Zakariah berkata, tidak ada perubahan lain selain venue terbabit dan semua jadual di venue lain akan dijalankan seperti yang sudah dijadualkan sebelum ini.

"Perubahan venue itu terpaksa dilakukan atas beberapa sebab teknikal. Bagaimanapun, kita yakin pemilihan Kompleks Sukan PKNS dan Stadium UPM tidak akan menjejaskan kemeriahan kejohanan edisi sulung ini," katanya.

Sebanyak lapan pasukan yang dibahagikan kepada dua kumpulan akan bersaing mulai 15 hingga 23 November ini. Empat venue lain yang sudah ditetapkan ialah Stadium BSN, Bangi; Padang B Petronas Permata, Bangi; Padang MPSJ dan Stadium Kuala Lumpur.

Kumpulan A menyaksikan

penyertaan Selangor, Kelab Bola Sepak Proton, Kelab Bola Sepak CIMB dan Kelab Bola Sepak Felda United manakala Kuala Lumpur, KL Plus, T Team dan Kelab Bola Sepak Juara Ban Hoe Leong menduduki Kumpulan B.

Kejujanaan itu adalah anjuran bersama Kelab Bola Sepak Felda United dan Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur.

Pada hari pembukaan iaitu 15 November, Selangor dan Proton akan membuka saingan di Stadium BSN, Bangi, jam 8 pagi manakala Kuala Lumpur dan KL Plus akan berentap di Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya pada waktu yang sama.

CIMB FC akan bertemu Felda United di Stadium BSN jam 4.45 petang manakala T Team dan BHL FC akan bertemu di Stadium UPM, Serdang.

Juara dan naib juara setiap kumpulan akan bertemu pada 21 November di Padang B Petronas Permata, Bangi dan Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya dan kedua-dua perlawanan itu akan dilangsungkan serentak iaitu jam 4.45 petang.

HARIAN METRO  
12/11/08.